

DBKL perlu desak pemaju siapkan jalan alternatif



Prabakaran (empat dari kiri) bersama penduduk sekitar Kampung Chubadak menggesa projek jalan alternatif ke Duke disiapkan segera.

KUALA LUMPUR - Penduduk Sentul meminta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mendesak pemaju menyiapkan baki pembinaan jalan alternatif dari Kampung Chubadak ke Lebuhraya Duta-Ulu Kelang (Duke) yang tertangguh disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dua tahun lalu.

Pengerusi Kampung Chubadak, Syed Mashor Syed Mustapha berkata, jalan pintas dengan jarak 200 meter itu dijangka dapat mengurangkan kesesakan trafik kepada pengguna yang melalui jalan Taman Dato Senu sebagai akses ke pusat bandar dan Batu Muda.

Menurutnya, penyiapan projek itu juga dapat memberikan ke-

selesaian kepada pengguna dan dapat digunakan pada waktu kecemasan.

“Sudah dua tahun projek ini tertangguh alasannya kerana Covid-19, tapi selepas tamat PKP masih tiada kerja dilaksanakan, malah keadaan jalan semakin teruk berbanding sebelum ini.”

“Saya minta DBKL campur tangan dan desak pemaju. Kalau tidak buat begitu, pemaju tidak ambil berat untuk siapkan projek ini,” katanya sewaktu turun padang bersama Ahli Parlimen Batu, P Prabakaran baru-baru ini.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Sentul Jaya, Ahmad Nasir Baba berkata, pihaknya turut menerima

rungutan daripada penduduk yang meminta supaya projek jalan itu disiapkan segera.

“Jalan di sini telah terlalu sesak menyebabkan ada penduduk yang terpaksa menggunakan jalan tidak siap ini. Pernah juga berlaku kemalangan,” ujarinya.

Dalam pada itu, Prabakaran berkata, jalan alternatif tersebut diluluskan DBKL susulan kepesatan pembangunan dan rumah bertingkat di kawasan itu.

“Pemaju perlu tunaikan apa yang dijanjikan untuk menyelesaikan sistem jalan di sini.

“DBKL juga perlu bertanggungjawab memantau projek ini, mereka ada hak bersuara untuk selesaikan masalah ini,” katanya.